



Headline: Gemar telefon mangsa waktu pagi
Publication/Portal: Kosmo
Date: 13 August 2019

Language: Malay
Section: Negara
Page: 13

Modus operandi *Macau Scam* sepanjang enam bulan pertama tahun ini

Gemar telefon mangsa waktu pagi

Oleh MOHD. YUNUS
YAKKUB

SAHAH ALAM – Sindiket *Macau Scam* dipercayai memilih waktu pagi untuk memulakan operasi mereka bagi mengaut keuntungan melalui panggilan telefon.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komerisial (JSJK) Selangor, Asisten Komisioner Fazlisyam Abd. Majid berkata, ia berdasarkan hasil analisa yang dilakukan pihaknya sepanjang tempoh enam bulan pertama tahun ini.

Katanya, waktu antara pukul 8 pagi hingga 12 tengah hari mencatatkan sebanyak 69.1 peratus panggilan kepada mangsa yang dipilih secara rambang.

“Ini adalah signifikan susulan pada waktu pagi semua pejabat kerajaan dan sektor swasta mula beroperasi seterusnya memudahkan mangsa diyakini.

“Kebiasaannya, sindiket ini



akan memulakan perbualan mereka bahawa mangsa terdapat tunggakan hutang atau saman, berdepan tindakan mahkamah atau sebagainya sebelum disambungkan kepada pegawai palsu yang dikatakan mampu menyelesaikan masalah mereka,” katanya ketika ditemui

Kosmo! di pejabatnya di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor baru-baru ini.

Namun, beliau tidak menyatakan secara lanjut jumlah panggilan yang digunakan sebagai ukuran analisa tersebut.

Menurut beliau, tempoh waktu itu juga memudahkan segala urusan pembayaran ke dalam nombor akaun yang diberikan sindiket sama ada melalui mesin deposit tunai atau dalam talian e-banking.

Fazlisyam menambah, mangsa sindiket penipuan secara online ini kebanyakannya terdiri daripada kakitangan swasta dan individu berusia 50 tahun dan ke atas.

“Trend panggilan *Macau Scam* didapati menurun kepada 24 peratus bagi tempoh pukul 12.01 tengah hari hingga 4 petang dan 6.9 peratus bermula pukul 4.01 petang hingga 9 malam.

“Situasi ini berkemungkinan mangsa mempunyai tempoh



FAZLISYAM (tengah) menunjukkan barangan yang dirampas daripada sindiket *Macau Scam* pada sidang akhbar di IPK Selangor baru-baru ini.

melakukan rujukan dan meminta pendapat ahli keluarga atau rakan mereka sama ada panggilan dilakukan itu helah *scammer* atau tidak,” katanya.

Jelas beliau, sindiket ini didapati menyamar sebagai pegawai bank, polis, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan beberapa penguatkuasa lain dengan bijak mengeksploitasi keadaan selain telah dilatih bagi memperdayakan mangsa.

“Ini susulan penemuan helai-an skrip bagi setiap watak pegawai palsu yang direka sindiket dalam beberapa serbuan sebe-

lum ini,” katanya.

Ditanya adakah terdapat pihak tertentu menjual data nombor panggilan sehingga boleh mengetahui sebarang masalah dihadapi oleh mangsa sebelum ini, Fazlisyam tidak menolak kemungkinan itu.

“Polis Diraja Malaysia (PDRM) khususnya JSJK telah melancarkan portal semakan akaun di <http://ccid.rmp.gov.my/semakmule> bagi membolehkan orang awam menyemak akaun bank yang dikhuatiri terbahit dengan transaksi penipuan urusan niaga secara online,” katanya.